



SIARAN AKHBAR

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sukacita memaklumkan beberapa perkara yang berkaitan pengurusan tatatertib dalam Perkhidmatan Awam seperti berikut:

Latar belakang

Peraturan tatatertib yang digunakan adalah terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Peraturan ini mengandungi peraturan dan kelakuan yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seseorang pegawai awam. Pelanggaran ke atas sebarang peraturan yang ditetapkan akan membolehkan tindakan tatatertib diambil.

Tujuan utama peraturan adalah untuk menjaga imej kerajaan khasnya dan Perkhidmatan Awam amnya. Tindakan tatatertib merupakan langkah yang perlu diikuti bagi menghukum pegawai awam yang didapati melanggar mana-mana peraturan supaya dapat **memperbaiki tingkah laku** mereka pada masa hadapan dan pada masa yang sama dapat **dijadikan panduan** kepada orang lain.

Kes Tatatertib Pegawai Awam Bagi Tempoh Tahun 2002-2006

A. Statistik

Pada keseluruhannya untuk tempoh 5 tahun (2002 – 2006) bilangan pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib (tidak termasuk ATM, PDRM bagi tahun 2002 hingga 2004 dan Badan Berkanun Negeri) ialah seramai **10,438 orang**. Trend/aliran walau bagaimanapun menunjukkan penurunan yang ketara. Butiran statistik pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib mengikut klasifikasi perkhidmatan adalah ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Statistik pegawai yang dikenakan Tindakan Tatatertib, 2002 – 2006

Klasifikasi Perkhidmatan	2002	2003	2004	2005	2006
Perkhidmatan Awam Persekutuan	1,136	552	1,066	978	714
Perkhidmatan Awam Negeri	282	206	154	239	304
Badan Berkanun Persekutuan	303	312	217	127	353
Pihak Berkuasa Tempatan	222	302	367	249	271
JUMLAH	1,943	1,372	1,804	1,593	1,642

Bilangan pegawai dan anggota ATM dan PDRM yang telah dikenakan tindakan tatatertib bagi tempoh yang sama masing-masingnya ialah berjumlah 7,390 dan 4,819. Butiran adalah seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Statistik pegawai dan anggota ATM dan PDRM yang dikenakan tindakan tatatertib, 2002 - 2006

Perkhidmatan	2002	2003	2004	2005	2006
ATM	3,026	2,784	804	253	523
PDRM	1,130	1,397	984	878	430
JUMLAH	4,156	4,181	1,788	1,131	953

B. Faktor Penurunan

Secara amnya kesedaran pegawai akan tindakan punitif dengan sendirinya berkeupayaan mencegah sebarang pelanggaran di kalangan pegawai awam. Analisis kepada rekod mendapati antara faktor utama yang menyumbang kepada aliran penurunan adalah:

i. Program Latihan dan Taklimat

Bengkel, kursus dan ceramah tatatertib anjuran JPA/Kementerian/Jabatan telah adakan dari masa ke semasa bagi memantapkan pemahaman berkaitan peraturan-peraturan tatatertib.

ii. Perkhidmatan Kaunseling;

Jawatan kaunselor telah diwujudkan di semua kementerian/jabatan. Dalam hubungan ini Kaunselor bertindak sebagai pemudah cara dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan yang bermasalah sebelum tindakan tatatertib diambil ke atas pegawai.

Sehingga tarikh semasa terdapat lebih kurang seramai 6,000 kaunselor/pegawai yang dilatih untuk menjalankan tugas-tugas kaunseling. Daripada jumlah tersebut, 95 adalah Pegawai Kaunselor di bawah perkhidmatan gunasama awam persekutuan.

iii. Penguatkuasaan Peraturan-peraturan Tatakelakuan

Peraturan-peraturan yang ada telah diperkemaskan dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya mudah difahami oleh penjawat awam.

Ketua Jabatan turut diingatkan supaya memastikan pegawai dan anggota di bawah kawalannya sentiasa mematuhi peraturan-

peraturan yang berkuatkuasa; beserta amaran di mana sekiranya berlaku pelanggaran tata tertib tindakan tegas akan diambil.

Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam mesyuarat berkala dengan Ketua-Ketua Setiausaha / Ketua Jabatan telah bersetuju supaya semua kes-kes tata tertib yang dirujuk oleh Badan Pencegah Rasuah hendaklah diselesaikan **dalam tempoh 6 bulan** dari tarikh kes dirujuk.

C. Kumpulan Pegawai

Pegawai dalam Kumpulan Sokongan merupakan kumpulan pegawai yang paling ramai dikenakan tindakan tata tertib iaitu 9,649 (92%) daripada 10,438 pegawai. Fenomena ini disebabkan populasi pegawai daripada Kumpulan Sokongan mendominasi bilangan pegawai awam iaitu seramai 887,665 (77%) daripada keseluruhan 1.1 juta pegawai awam. Butiran pegawai yang dikenakan tindakan tata tertib mengikut Kumpulan ialah seperti di Jadual 3:

Jadual 3: Pegawai yang dikenakan tindakan tata tertib mengikut Kumpulan, 2002 – 2006

Tahun/ Kumpulan	Pengurusan Tertinggi	Pengurusan & Profesional	Sokongan	Jumlah
2002	2	155	1,786	1,943*
2003	1	126	1,245	1,372*
2004	4	159	1,641	1,804*
2005	2	147	2,575	2,724
2006	3	190	2,402	2,595
JUMLAH	12	777	9,649	10,438

Nota: * Tidak termasuk ATM dan PDRM

D. Jenis Kesalahan

Kes-kes yang berkaitan **tidak hadir bertugas** di kalangan pegawai awam adalah kesalahan tertinggi dan paling ketara iaitu 7,668 kes (55%) berbanding jumlah keseluruhan sebanyak 13,761 kes. Butiran dan jenis-jenis kesalahan lain termasuk tatakelakuan adalah seperti di Jadual 4:

Jadual 4: Jenis Kesalahan Tata tertib, 2002 - 2006

Kesalahan	2002	2003	2004	2005	2006
Tidak Hadir Bertugas	2,182	820	2,056	1,300	1,310
Tatakelakuan & Larangan	1,234	357	771	928	854
Kes-kes Mahkamah	375	125	132	222	240
Penyalahgunaan atau pemilikan dadah berbahaya	391	58	285	84	37
JUMLAH	4,182	1,360	3,244	2,534	2,441

E. Jenis Hukuman

Tiga jenis hukuman yang paling kerap dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib ialah hukuman **amaran** (4,527 pegawai) dan hukuman buang kerja (2,918 pegawai). Butiran adalah seperti Jadual 5:

Jadual 5: Jenis Hukuman, 2002 - 2006

Hukuman / Tahun	2002	2003	2004	2005	2006
Amaran	1,438	522	855	969	743
Denda	524	114	166	459	227
Lucut Hak Emolumen	517	326	391	317	148
Tangguh Pergerakan Gaji	219	118	137	191	148
Turun Gaji	88	49	78	74	75
Turun Pangkat	85	16	2	24	16
Buang Kerja	530	389	618	753	628
JUMLAH	3,401	1,534	2,247	2,787	1,985

F. Implikasi kepada Hukuman Tatatertib

Jika seseorang pegawai didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib, mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman, implikasi kepada pelaksanaan adalah seperti dihuraikan di Lampiran berkepil.

PENUTUP

Pendedahan secara terperinci adalah selari dengan prinsip dan amalan ketelusan Perkhidmatan Awam seperti mana yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Y. Bhg. Tan Sri Ismail Adam semasa pertemuan khas JPA dengan wakil media-massa pada 4 Jun 2007 di JPA.

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Putrajaya

Jun 2007



PELAKSANAAN DAN IMPLIKASI HUKUMAN TATATERTIB

HUKUMAN	PELAKSANAAN / IMPLIKASI
1. Amaran (Warning)	<p>Tidak boleh dinyatakan amaran pertama atau amaran keras atau sebagainya.</p> <p>Pegawai tidak layak dinaikkan pangkat dalam tempoh 6 bulan atau satu urusan mana terdahulu.</p>
2. Denda (Fine)	<p>Denda yang dikenakan adalah berasaskan emolumen pegawai. Denda maksimum ialah tidak melebihi 7 hari emolumen. Jika dikenakan lebih sekali dalam satu bulan kalendar, agregat denda tidak boleh melebihi amaun yang sama banyak 45% daripada emolumen bulanan pegawai.</p> <p>Pegawai tidak layak dinaikkan pangkat dalam tempoh 12 bulan atau satu urusan mana terdahulu.</p>
3. Lucut Hak Emolumen (Forfeiture of Emoluments)	<p>Lazimnya dikenakan bagi kes tidak hadir bertugas.</p> <p>Pegawai tidak layak dinaikkan pangkat dalam tempoh 18 bulan atau satu urusan mana terdahulu.</p>
4. Tangguh Pergerakan Gaji (Deferment of Salary Movement)	<p>Dikenakan bagi tempoh 3, 6, 9 atau 12 bulan dan dilaksanakan pada tarikh ulang tahun pergerakan gaji pegawai. Pegawai tidak berhak menerima pergerakan gaji dalam tempoh hukuman dan tarikh pergerakan gaji akan berubah ke tarikh yang paling hampir selepas tamat tempoh hukuman.</p> <p>Pegawai tidak layak dinaikkan pangkat dalam tempoh 30 bulan atau satu urusan mana terkemudian.</p>
5. Turun Gaji (Reduction of Salary)	<p>Gaji diturunkan secara mendatar dalam peringkat gaji yang sama dan penurunan gaji itu tidak melebihi tiga pergerakan gaji. Tempoh hukuman ialah tidak boleh kurang daripada 12 bulan tetapi</p>

HUKUMAN	PELAKSANAAN / IMPLIKASI
	<p>tidak boleh lebih 36 bulan. Hukuman dilaksanakan pada tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Tatatertib atau pada tarikh hukuman dijatuhkan. Pegawai tidak berhak menerima pergerakan gaji dalam tempoh hukuman dan tarikh pergerakan gaji akan berubah ke tarikh pergerakan gaji berikutnya selepas hukuman tamat.</p> <p>Pegawai tidak layak dinaikkan pangkat dalam tempoh 36 bulan atau satu urusan mana terkemudian.</p>
<p>6. Turun pangkat (Reduction in Rank)</p>	<p>Gred pegawai diturunkan ke gred yang lebih rendah dalam skim perkhidmatan yang sama. Gaji pegawai ditetapkan pada satu mata gaji dalam jadual gaji bagi gred yang dikurangkan itu supaya lebih rendah dan berhampiran dengan gaji akhir sebelum hukuman.</p> <p>Pegawai tidak layak dinaikkan pangkat dalam tempoh 48 bulan atau dua urusan mana terkemudian.</p>
<p>7. Buang Kerja (Dismissal)</p>	<p>Tarikh hukuman ialah pada tarikh Lembaga Tatatertib menjatuhkan hukuman.</p> <p>Pegawai tidak berhak menerima apa-apa kemudahan dalam perkhidmatan awam.</p>